

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PENGURUSAN PROGRAM TEBATAN BANJIR (PTB) DI NEGERI SABAH

RUMUSAN AUDIT

"Pengurusan program tebatan banjir di negeri Sabah masih belum mencapai objektif ditetapkan."

MAKLUMAT PROGRAM



OBJEKTIF PTB

Menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna untuk mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk daripada ancaman banjir

KOMPONEN PTB

KAEDAH STRUKTUR

KAEDAH BUKAN STRUKTUR

PROJEK DILULUSKAN (RMKE-11)

20 Projek
(RM555.5 juta)


Persekutuan
14 Projek
RM496.2
juta

Negeri
6 Projek
RM59.3
juta

PRESTASI PROGRAM

Pencapaian Output

Liputan projek yang tidak menyeluruh dan kelewatan menyiapkan projek yang diluluskan memberi kesan kepada pencapaian objektif PTB



Projek yang diluluskan tidak meliputi semua kawasan mudah banjir secara menyeluruh di daerah yang sama



Lanjutan masa (EOT) selama 366 hingga 1,249 hari dengan justifikasi berikut:

- Isu pampasan tanah
- Faktor cuaca
- Kerja pengalihan utiliti awam
- Perintah kawalan pergerakan

Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberkesanan PTB secara keseluruhan belum dapat dinilai



7 projek masih dalam pelaksanaan



Hanya 2 projek siap

Analisis Laporan Tahunan Banjir JPS



Kes banjir dan perpindahan mangsa banjir meningkat



Kejadian banjir masih berlaku di kawasan sampel projek

PENGURUSAN PROJEK

1

Tiada bukti pelaksanaan rundingan harga bagi projek secara lantikan terus yang dibiayai oleh Kerajaan negeri

2

Kualiti kerja kurang memuaskan menunjukkan pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak JPS semasa projek dilaksanakan

3

Peruntukan kewangan bagi kerja penyenggaraan tidak mencukupi

SYOR AUDIT

Merancang dan melaksanakan PTB yang lebih menyeluruh dan holistik

Menjalin/mewujudkan koordinasi yang baik antara kerajaan dan agensi terlibat

Memberi peruntukan penyenggaraan yang mencukupi kepada JPS

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH PENGURUSAN PROGRAM TEBATAN BANJIR DI NEGERI SABAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit

- Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah/ Department of Irrigation and Drainage Sabah (DID) bertanggungjawab mengurus dan menyenggara 80 lembangan sungai utama di negeri Sabah serta 396 parit utama (monsoon drain) yang menerima aliran air ke laut. Sistem perparitan lain iaitu parit tepi jalan (roadside drain) pula adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala parit perumahan dan komersial (residential and commercial drain) adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Program tebatan banjir di negeri Sabah dilaksanakan oleh DID selaras dengan dasar kerajaan mewujudkan suasana selesa untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial melalui penyenggaraan dan pembaikan sungai.
- Objektif program adalah menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna bagi mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir. Projek tebatan banjir dilaksanakan melalui komponen utama seperti berikut:
 - a. komponen sistem saliran yang terdiri daripada sungai, perparitan konkrit dan tanah, lencongan dan lain-lain;
 - b. komponen takungan banjir terdiri dari empangan, kolam takungan, kolam takungan komuniti, kolam takungan basah, *borrow pit* dan lain-lain; dan
 - c. komponen kawalan terdiri dari struktur saluran/lencongan masuk dan keluar, *barrage* (empang jajar), pintu air pasang surut dan lain-lain.
- Komponen yang terdapat dalam projek tebatan banjir dilaksanakan mengikut keutamaan atau keperluan semasa melalui kaedah struktur dan bukan struktur seperti berikut:
 - a. kaedah secara struktur adalah melalui pelaksanaan projek fizikal seperti pembinaan ban sungai, stesen pam, lencongan sungai, kerja pembaikan alur sungai, pembinaan kolam takungan dan pembinaan infrastruktur; dan

b. kaedah bukan struktur pula seperti Manual Saliran Mesra Alam (MSMA), kajian pelan induk tebatan banjir, pengurusan lembangan sungai bersepadu, penguatkuasaan undang-undang, akta dan garis panduan, sistem ramalan dan amaran banjir serta program pendidikan dan kesedaran.

- Pengauditan menumpukan kepada komponen saliran banjir dan kawalan secara kaedah struktur iaitu projek melebar dan mendalamkan sungai, pembinaan ban/benteng tebing sungai dan pembinaan rumah pam.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek bagi tahun 2019 hingga 2021.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek. Output dinilai dari aspek liputan projek tebatan banjir dan pencapaian fizikal projek.
- Keberhasilan projek dinilai terhadap projek yang telah siap dan analisis Audit terhadap data laporan banjir dari tahun 2018 hingga 2021.
- Pengurusan projek pula meliputi empat perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan penyenggaraan sungai/parit.
- Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat DID Sabah, DID Daerah Penampang dan DID Malaysia.
- Sebanyak sembilan projek telah dipilih sebagai sampel iaitu tiga di daerah Kota Kinabalu, dua di Penampang, tiga di Putatan dan satu di Kota Belud.
- Pemilihan sampel Audit melibatkan 45% daripada bilangan projek tebatan banjir yang diluluskan dalam tempoh RMKe-11. Asas pemilihan sampel adalah nilai kos projek yang tinggi, projek terkini disiapkan dan projek lewat siap/siap dengan lanjutan masa.
- Empat daerah yang tidak mempunyai projek tebatan banjir tetapi kerap dilanda banjir dan melibatkan perpindahan mangsa banjir iaitu Beaufort, Keningau, Kota Marudu dan Sipitang juga dipilih sebagai sampel Audit untuk mendapatkan gambaran terhadap kesan banjir kepada penduduk setempat.
- Untuk menilai projek tebatan banjir yang dilaksanakan di negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan bagi menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna untuk mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir.

Mengapa ia penting untuk diaudit

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit dapat dirumuskan bahawa pengurusan program tebatan banjir di negeri Sabah masih belum mencapai objektif ditetapkan.
- Hanya empat atau 20% projek tebatan banjir telah siap berbanding 20 projek yang diluluskan dalam RMKe-11.
- Projek siap tidak berjaya mengurangkan kejadian banjir; peningkatan kes kejadian dan kawasan terlibat banjir serta perpindahan mangsa banjir; dan kejadian banjir berulang di lokasi/kawasan sampel projek daripada tahun 2018 sehingga 2021. Keadaan ini memberi kesan kepada pencapaian objektif program tebatan banjir bagi mengurangkan kekerapan dan kawasan kejadian banjir serta bilangan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir. Selain itu, penilaian keberhasilan projek oleh DID bagi RMKe-10 tidak dapat disahkan kerana laporan penilaian belum dikemukakan.
- Tiada bukti pelaksanaan rundingan harga bagi projek secara lantikan terus yang dibiayai oleh Kerajaan negeri.
- Kualiti kerja kurang memuaskan semasa projek dilaksanakan.
- Penyenggaraan sungai dan parit tidak dilaksanakan secara menyeluruh disebabkan peruntukan kewangan tidak mencukupi.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi menambah baik pengurusan PTB, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:
 - DID melaksanakan perancangan yang lebih teliti bagi projek tebatan banjir yang akan datang dengan mengambil kira keperluan cadangan dalam pelan induk dan kawasan *hotspot* banjir supaya pelaksanaan program tebatan banjir menjadi lebih menyeluruh dan holistik;
 - Kementerian dan DID perlu menjalin/mewujudkan koordinasi antara kerajaan dan agensi terlibat bagi membincangkan masalah berkaitan pengurusan banjir serta penyenggaraan komponen projek RTB dari semasa ke semasa; dan
 - DID diberi peruntukan penyenggaraan yang mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan yang lebih berkesan terhadap semua sungai dan parit utama di negeri Sabah.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH

2. PENGURUSAN PROGRAM TEBATAN BANJIR DI NEGERI SABAH

FAKTA UTAMA

RM555.5 Juta Kos projek RMKe-11 (2016 hingga 2020)	20 Projek • 14 projek Kerajaan Persekutuan • 6 projek Kerajaan negeri	8 Lokasi <i>Hotspot</i> Banjir Beaufort, Kota Belud, Kota Kinabalu, Keningau, Penampang, Tuaran, Papar dan Tawau
Objektif program	Menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna untuk mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir.	
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah/Jabatan Pengairan Saliran, Malaysia	Membiayai projek Program Tebatan Banjir di negeri Sabah melalui peruntukan pembangunan	
Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah	Bertanggungjawab terhadap pengurusan Program Tebatan Banjir di seluruh negeri Sabah	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Terdapat tiga kategori banjir utama di negeri Sabah iaitu banjir monsun, banjir kilat dan banjir air pasang. Banjir monsun adalah banjir yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan berterusan iaitu kenaikan air melebihi enam jam. Banjir kilat adalah banjir yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan setempat iaitu kenaikan dan penurunan air kurang daripada enam jam. Banjir air pasang pula adalah banjir yang disebabkan kenaikan air laut semasa air pasang dan melebihi aras air sungai.

1.2. Berdasarkan Laporan Banjir Tahunan Negeri Sabah, sebanyak lapan daerah yang kerap dilanda banjir (hotspot) iaitu daerah Beaufort, Kota Belud, Kota Kinabalu, Keningau, Penampang, Tuaran, Papar dan Tawau. Anggaran kawasan yang mudah dilanda banjir meliputi 3,280 kilometer (km) persegi yang terdiri daripada 90 km persegi kawasan bandar, 940 km persegi kawasan pertanian, 900 km persegi kawasan hutan dan 1,350 km persegi kawasan lain seperti paya dan lombong.

1.3. Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah/Department of Irrigation and Drainage Sabah (DID) bertanggungjawab mengurus dan menyenggara 80 lembangan sungai utama di negeri Sabah serta 396 parit utama (monsoon drain) yang menerima aliran air ke laut. Sistem perparitan lain iaitu parit tepi jalan (roadside drain) pula adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala parit perumahan dan komersial (residential and commercial drain) adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.4. Program Tebatan Banjir (PTB) di negeri Sabah dilaksanakan oleh DID selaras dengan dasar kerajaan mewujudkan suasana selesa untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial melalui penyenggaraan dan pembaikan sungai. Objektif program adalah menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna bagi mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir. Sebanyak 20 projek tebatan banjir bernilai RM555.5 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di seluruh negeri Sabah, 14 daripadanya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan manakala enam dibiayai oleh Kerajaan negeri. PTB dilaksanakan melalui komponen utama seperti berikut:

- a. komponen sistem saliran yang terdiri daripada sungai, perparitan konkrit dan tanah, lencongan dan lain-lain;
- b. komponen takungan banjir terdiri dari empangan, kolam takungan, kolam takungan komuniti, kolam takungan basah, *borrow pit* dan lain-lain; dan
- c. komponen kawalan terdiri dari struktur saluran/lencongan masuk dan keluar, *barrage* (empang jajar), pintu air pasang surut dan lain-lain.

1.5. Komponen yang terdapat dalam PTB dilaksanakan mengikut keutamaan atau keperluan semasa melalui kaedah struktur dan bukan struktur seperti berikut:

- a. kaedah secara struktur adalah melalui pelaksanaan projek fizikal seperti pembinaan ban sungai, stesen pam, lencongan sungai, kerja pembaikan alur sungai, pembinaan kolam takungan dan pembinaan infrastruktur; dan
- b. kaedah bukan struktur pula seperti Manual Saliran Mesra Alam (MSMA), kajian pelan induk tebatan banjir, pengurusan lembangan sungai bersepadu, penguatkuasaan undang-undang, akta dan garis panduan, sistem ramalan dan amaran banjir serta program pendidikan dan kesedaran.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai PTB di negeri Sabah telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan bagi menyediakan sistem saliran sungai yang sempurna untuk mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan menumpukan kepada komponen saliran banjir dan kawalan secara kaedah struktur iaitu projek melebar dan mendalamkan sungai, pembinaan ban/benteng tebing sungai dan pembinaan rumah pam. Pengauditan meliputi dua bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek bagi tahun 2019 hingga 2021.

3.2. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek. Output dinilai dari aspek liputan projek PTB dan pencapaian fizikal projek. Keberhasilan projek dinilai terhadap projek yang telah siap dan analisis Audit terhadap data laporan banjir dari tahun 2018 hingga 2021. Pengurusan projek pula meliputi empat perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan penyenggaraan sungai/parit. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat DID Sabah, DID Daerah Penampang dan DID Malaysia.

3.3. Sebanyak sembilan projek telah dipilih sebagai sampel iaitu tiga di daerah Kota Kinabalu, dua di Penampang, tiga di Putatan dan satu di Kota Belud bernilai RM270.4 juta seperti dalam **Jadual 1**. Pemilihan sampel Audit melibatkan 45% daripada bilangan projek tebatan banjir yang diluluskan dalam tempoh RMKe-11. Asas pemilihan sampel adalah nilai kos projek yang tinggi, projek terkini disiapkan dan projek lewat siap/siap dengan lanjutan masa (EOT).

JADUAL 1
SAMPEL PENGAUDITAN PROJEK MENCEGAH BANJIR DI NEGERI SABAH

BIL.	PROJEK	DAERAH	KOS (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	STATUS KEMAJUAN SETAKAT JUN 2022 (%)
PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN						
1.	Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai (Sg.) Moyog Negeri Sabah - Membina dan Menaik Taraf Parit 18A, Penambahbaikan Parit dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Kibabag (Pakej 1)	Penampang	48.9	21.11.2016	21.11.2019	77.7
2.	PLSB Sg. Moyog, Sabah – Kerja-kerja Menaik Taraf Sg. Putatan dan Kerja-Kerja Berkaitan (Pakej 3)	Penampang	123.6	12.06.2017	11.12.2020	78.9
3.	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Gurong-Gurong, Lembangan Sg. Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud	Kota Belud	17.5	08.05.2018	09.03.2020	96.0
4.	RTB Sg. Tebongon (Kampung Teguli) Putatan	Putatan	18.2	15.08.2019	14.08.2021	99.8
5.	RTB Bandar Sierra, Lembangan Sg. Telipok, Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	16.4	15.08.2019	14.08.2021	97.1
JUMLAH			224.6			
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI						
1.	RTB Sg. Petagas, Putatan – Kg. Sendil	Putatan	11.5	25.04.2016	26.04.2019	82.2
2.	Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works for Bandar Sierra, Menggatal, Kota Kinabalu</i>	Kota Kinabalu	15.0	15.10.2016	13.12.2019	100 (11.12.2020)
3.	Saluran Bandar Kecil – <i>Drainage Improvement Works</i> Taman Jumbo (Package 2)	Putatan	4.3	22.12.2016	21.12.2018	95.2

BIL.	PROJEK	DAERAH	KOS (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	STATUS KEMAJUAN SETAKAT JUN 2022 (%)
4.	Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works at Kg</i> Rampayan, Menggatal, Kota Kinabalu	Kota Kinabalu	15.0	02.04.2018	01.04.2021	100 (01.04.2021)
JUMLAH			45.8			
JUMLAH KESELURUHAN			270.4			

Sumber: DID

3.4. Selain itu, empat daerah yang tidak mempunyai projek tebatan banjir tetapi kerap dilanda banjir dan melibatkan perpindahan mangsa banjir iaitu Beaufort, Keningau, Kota Marudu dan Sipitang juga dipilih sebagai sampel Audit untuk mendapatkan gambaran terhadap kesan banjir kepada penduduk setempat.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti kontrak, minit mesyuarat, laporan kemajuan kerja, tuntutan bayaran dan fail yang berkaitan. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek dan kawasan tidak mempunyai projek tetapi kerap dilanda banjir bersama dengan pihak DID telah dijalankan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai DID dan pegawai daripada agensi lain yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan.

5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan November 2021 hingga Ogos 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada DID telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 27 September 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek


5.1.1. Pencapaian Output

a. Liputan Projek PTB

- i. Projek PTB RMKe-11 dilaksanakan berdasarkan pelan induk dan kawasan *hotspot* banjir yang telah dikenal pasti oleh DID. Berdasarkan Laporan Kertas Cadangan Projek Pembangunan RMKe-11, DID Sabah telah memohon 103 projek tebatan banjir dengan anggaran kos projek berjumlah RM2.583 bilion. Sebanyak 54 projek atau RM1.975 billion dimohon menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan 49 projek atau RM608.6 juta dimohon menggunakan peruntukan Kerajaan negeri.

- ii. Semakan Audit mendapati hanya 20 daripada 103 projek tebatan banjir yang dimohon atau 19.4% telah diluluskan dengan kos projek bernilai RM555.5 juta atau 21.5% daripada RM2.583 bilion yang dimohon. Sebanyak 14 projek dengan kos berjumlah RM496.2 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan manakala enam projek dengan kos berjumlah RM59.3 juta telah diluluskan oleh Kerajaan negeri.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tujuh projek diluluskan berdasarkan pelan induk, empat projek diluluskan di kawasan *hotspot* banjir, lapan projek diluluskan berdasarkan pelan induk dan kawasan *hotspot* banjir dan satu projek merupakan projek pelbagai bagi kerja-kerja kecemasan yang melibatkan tebatan banjir. Bagaimanapun, **senarai projek yang diluluskan tidak meliputi semua kawasan mudah banjir di negeri Sabah iaitu daerah Keningau, Tuaran dan Papar**. Liputan projek PTB adalah seperti dalam Rajah 1.

RAJAH 1
LOKASI PROJEK PTB RMKe-11 DI BAWAH PELAN INDUK
DAN KAWASAN KERAP DILANDA (HOTSPOT) BANJIR DI NEGERI SABAH



Sumber: DID

- iv. Pihak Audit juga mendapati **projek yang diluluskan tidak meliputi semua kawasan mudah banjir secara menyeluruh di daerah yang sama**. Contoh projek yang sepatutnya dilaksanakan serentak dalam daerah yang sama untuk mengurangkan kejadian banjir adalah projek PLSB Sg. Moyog yang dirancang untuk dilaksanakan melalui empat pakej. Bagaimanapun, hanya pakej 1, 2 dan 3 yang diluluskan dalam RMKe-11 manakala pakej 4 belum diluluskan. Pakej 1 dan 3 dilaksanakan dalam RMKe-11 manakala pakej 2 hanya mula dilaksanakan dalam RMKe-12. Butiran projek adalah seperti **Jadual 2** dan **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.


JADUAL 2
PROJEK PLSB SG. MOYOG YANG SEPATUTNYA DILAKSANAKAN SERENTAK

PROJEK PLSB SG. MOYOG	KELULUSAN PROJEK	STATUS	KEMAJUAN FIZIKAL SETAKAT BULAN JUN 2022 (%)	SASARAN/OBJEKTIF
Pakej 1	RMKe-11	Sedang dalam pelaksanaan (Gambar 2)	77.7	• Mengurangkan keluasan kawasan yang dilanda banjir di dalam lembangan Sg. Moyog terutama di kawasan Kepayan, Kg. Kibabaig, Pekan Donggongan dan Pekan Putatan
Pakej 2	RMKe-11	Sedang dalam pelaksanaan (Gambar 4)	2.6	• Mengurangkan magnitud dan kekerapan banjir
Pakej 3	RMKe-11	Sedang dalam pelaksanaan (Gambar 3)	78.9	• Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup bagi penduduk di kawasan Pekan Kibabaig, Pekan Donggongan dan Pekan Putatan
Pakej 4	Belum Diluluskan	Belum dilaksanakan	TB	• Menyelamatkan jalanraya Minintod - Inanam daripada kejadian banjir

Sumber: DID

Nota: Tiada Maklumat liputan projek diperolehi bagi keempat-empat pakej projek, TB – Tidak Berkenaan

GAMBAR 1
LOKASI DAN KEMAJUAN PROJEK PLSB SUNGAI MOYOG



Sumber: Laporan Value Assessment Sg. Moyog, DID

GAMBAR 2



Pakej 1 Projek PLSB Sg. Moyog
- Kerja Pembinaan Sedang Dilaksanakan
(18.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Pakej 3 Projek PLSB Sg. Moyog
- Kerja Pembinaan Sedang Dilaksanakan
(18.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 4
Pakej 2 Projek PLSB Sg. Moyog
(RTB Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu)
- Kerja Pembinaan Baru Dimulakan
(26.08.2022)
(Sumber: DID)

- v. Pihak Audit selanjutnya mendapati terdapat kawasan yang tidak mempunyai projek tebatan banjir walaupun kerap berlaku banjir iaitu Keningau, Beaufort, Sipitang dan Kota Marudu. Lawatan fizikal telah dilaksanakan ke daerah Keningau (lima kampung) dan Beaufort (10 kampung) pada 14 hingga 16 Jun 2022. Lawatan fizikal ke daerah Sipitang (lapan kampung) telah dilaksanakan pada 23 Jun 2022 dan Kota Marudu (tiga kampung) pada 27 Julai 2022.
- Temubual Audit dengan Jurutera Daerah mendapati kejadian banjir berlaku di daerah tersebut disebabkan limpahan air daripada sungai akibat hujan lebat atau air pasang. Selain itu, kedudukan pekan seperti Beaufort berada di hilir kawasan tadahan utama dan secara semulajadi ia berada di kawasan lembangan banjir (Floods Plain). Analisis terhadap Laporan Banjir Tahunan DID juga mengesahkan kejadian banjir yang berlaku di daerah tersebut adalah disebabkan limpahan air sungai. Contoh kejadian banjir di daerah/kawasan tersebut adalah seperti dalam **Gambar 5** hingga **Gambar 8**.

GAMBAR 5



Kg. Dalit Stesen, Keningau
- Kejadian Banjir Disebabkan Limpahan Air Sungai Dalit
(Sumber: DID)

GAMBAR 6



Kg. Bakalau, Beaufort
- Kejadian Banjir Disebabkan Limpahan Air Sungai Padas
(Sumber: DID)

GAMBAR 7



Kg. Kawang Lama, Sipitang
- Kejadian Banjir Disebabkan Limpahan Air Sungai Mengalong/Lukutan
(Sumber: DID)

GAMBAR 8




Bulatan Popok, Kota Marudu
- Kejadian Banjir Disebabkan Limpahan Air Sungai Bandau/Bongon
(Sumber: DID)

- Pembinaan jalan raya menyebabkan kejadian banjir semakin teruk di dua kampung iaitu Kg. Dalit Stesen di Keningau dan Kg. Skim di Sipitang. Temubual dengan pihak DID dan penduduk kampung mendapati kejadian banjir di kawasan rendah/sering dilanda banjir menjadi semakin teruk

disebabkan oleh projek penaiktarafan jalan luar bandar di Keningau dan pembinaan Pan Borneo di daerah Sipitang. Contoh kejadian banjir seperti dalam **Gambar 9** hingga **Gambar 10**.

GAMBAR 9



Kg. Skim Sipitang
- Pembinaan Jalan Pan Borneo Telah Menyebabkan
Banjir Semakin Teruk
(23.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Kg. Skim Sipitang
- Pembinaan Jalan Pan Borneo Telah Menyebabkan
Banjir Semakin Teruk
(23.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

Liputan projek tidak menyeluruh iaitu dibuat secara berperingkat/berfasa/mengikut keutamaan kerana kekangan peruntukan. Oleh itu, keutamaan pemilihan projek tebatan banjir dibuat berdasarkan lokasi *hotspot* iaitu menumpukan kawasan bandar/bandar utama/daerah yang berisiko tinggi menerima impak besar daripada kejadian banjir dan kepadatan penduduk yang ramai. Pihak DID akan membuat kajian untuk mengenal pasti punca masalah di daerah *hotspot* banjir yang tidak diluluskan projek tebatan banjir supaya perancangan dan kaedah penyelesaian yang terbaik, praktikal dan ekonomi dapat diambil.

Pembinaan jalan raya menyumbang kepada kejadian banjir yang semakin teruk di kawasan rendah/mudah dilanda banjir. Pihak DID akan berbincang dengan pihak JKR dan agensi kerajaan lain yang terlibat untuk mencari penyelesaian kepada masalah tersebut.

b. Pencapaian Fizikal

- i. Berdasarkan Klausula 39.1 dalam syarat kontrak, projek tebatan banjir perlu disiapkan dalam tempoh antara 12 hingga 55 bulan dari tarikh pemilikan tapak. Klausula 43.1 dalam syarat kontrak pula menetapkan lanjutan masa (EOT) boleh dimohon sekiranya berlaku kelewatan penyiapan projek yang bukan disebabkan oleh kelemahan kontraktor.
- ii. Semakan Audit mendapati setakat bulan Jun 2022, sebanyak empat projek (20%) siap sepenuhnya. Dua projek disiapkan dengan dua EOT masing-masing selama 366 dan 312 hari pada tahun 2020 dan 2022, satu siap mengikut jadual asal pada tahun 2021 manakala satu lagi siap mendahului jadual pada

tahun 2022. Sebanyak 14 projek (70%) sedang dalam pembinaan di mana tiga daripadanya telah dilaksanakan mengikut jadual manakala 11 lagi telah diberikan antara satu hingga enam EOT selama 265 hingga 1,249 hari. Sebanyak dua projek (10%) masih dalam peringkat reka bentuk/tender dan pelantikan kontraktor belum dilaksanakan. Pencapaian fizikal projek tebatan banjir adalah seperti **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK MENCEGAH BANJIR
YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	TARIKH SIAP (SEPATUTNYA)	LANJUTAN MASA	
						BIL.	HARI
PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN							
1.	PLSB Sg. Moyog Negeri Sabah – Membina dan Menaik Taraf Parit 18A, Penambahbaikan Parit dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Kibabaig (Pakej 1)	48.9	21.11.2016	21.11.2019	23.04.2023	3	1,249
2.	PLSB Sungai Moyog, Sabah – Kerja-kerja Menaik Taraf Sg. Putatan dan Kerja-Kerja Berkaitan (Pakej 3)	123.6	12.06.2017	11.12.2020	11.10.2023	3	1,034
3.	RTB Sg. Gurong-Gurong, Lembangan Sg. Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud	17.5	08.05.2018	09.03.2020	17.08.2023	6	972
4.	RTB Sg. Anip, Lembangan Sg. Anip, Sandakan	30.0	14.08.2019	14.08.2021	07.12.2023	2	480
5.	RTB Sg. Tebongan (Kampung Teguli) Putatan	18.2	15.08.2019	14.08.2021	02.10.2022	4	414
6.	RTB Bandar Sierra, Lembangan Sg. Telipok, Kota Kinabalu	16.4	15.08.2019	14.08.2021	17.12.2022	4	490
7.	RTB Sg Tawau Lembangan Sg. Tawau (Fasa 1A)	27.5	18.10.2019	18.04.2022	28.01.2024	2	650
8.	RTB Sg. Rampayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu	23.7	10.11.2019	11.04.2022	02.08.2023	2	479
9.	RTB Sg. Pancuran Lembangan Sungai Sepagaya Lahad Datu	20.0	07.11.2019	04.02.2022*	-	0	0
10.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Ketiau, Putatan	8.8	01.11.2021	30.10.2023	-	0	0
11.	Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kedamaian/Sg. Tempasuk/Sg. Abai/Sg. Kawang-Kawang, Kota Belud	9.2	21.03.2022	20.03.2023	-	0	0
12.	RTB Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu	45.8	12.05.2022	11.03.2025	-	0	0
13.	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Padas, Lembangan Sg. Padas, Tenom	50.0	Dalam proses reka bentuk/tender				
14.	Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pelbagai Negeri Sabah	56.6	Pelbagai projek dan kerja kecemasan				
JUMLAH		496.2					
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI							
1.	RTB Sg. Petagas, Putatan – Kg Sendil	11.5	25.04.2016	26.04.2019	06.01.2022	3	986
2.	Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works for</i> Bandar Sierra, Menggatal, Kota Kinabalu	15.0	15.10.2016	11.12.2020*	-	2	366

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	TARIKH SIAP (SEPATUTNYA)	LANJUTAN MASA	
						BIL.	HARI
3.	Saluran Bandar Kecil – <i>Drainage Improvement Works</i> Taman Jumbo (Package2)	4.3	22.12.2016	21.12.2018	21.12.2022	4	1,006
4.	Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works at Kg Rampayan, Menggatal, Kota Kinabalu</i>	15.0	02.04.2018	01.04.2021*	-	0	0
5.	RMB Sg. Tawau – Kerja Menaiktaraf Saluran Sg. Tawau Bypass Fasa V Tawau	6.2	09.03.2020	24.01.2022*	-	2	312
6.	Kerja-Kerja Pembinaan Rumah Pam, Bekalan dan Pemasangan Loji Pam Perangkap Sampah di Struktur Kawalan Banjir No. 1 Pekan Beaufort	7.3	23.03.2020	22.03.2022	12.12.2022	3	265
JUMLAH		59.3					
JUMLAH KESELURUHAN		555.5					

Sumber: DID

Nota: (*) - Projek telah disiapkan lebih awal dari tarikh siap asal

- iii. Semakan Audit terhadap EOT bagi sembilan sampel projek mendapati kesemua EOT diberikan kerana kelewatan bukan disebabkan oleh kelemahan kontraktor. Justifikasi kelulusan EOT adalah disebabkan isu pengambilan tanah dan kerja pengalihan kabel/paip utiliti awam (elektrik, telekomunikasi dan air). Analisis Audit mendapati **tempoh EOT adalah antara 366 hingga 1,249 hari**. Butiran seperti **Jadual 4** dan **Gambar 11** hingga **Gambar 14**.

JADUAL 4
EOT YANG DILULUSKAN

BIL.	PROJEK	PERIHAL KELULUSAN EOT			
		BIL.	TEMPOH (Tarikh)	JUMLAH (Hari)	JUSTIFIKASI
1.	PLSB Sungai Moyog Sabah- Membina dan Menaik Taraf Parit 18A, Pembinaan Parit A Dan Kerja Berkaitan di Sungai Kibabaig (Pakej 1)	3	22.11.2019 – 23.04.2023	1,249	Isu pengambilan tanah
					Isu pemindahan/penempatan semula utiliti Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Jabatan Air Negeri Sabah (JAS)
					Perintah Kawalan Pergerakan
2.	PLSB Sungai Moyog, Sabah – Kerja-kerja Menaik Taraf Sungai Putatan dan Kerja-Kerja Berkaitan (Pakej 3) (Gambar 11)	3	12.12.2020 – 11.10.2023	1,034	Isu pampasan tanah
					Perintah Kawalan Pergerakan
3.	Saluran Bandar Kecil – <i>Drainage Improvement Works</i> Taman Jumbo (Package 2) (Gambar 12)	4	22.12.2018 – 21.12.2022	1,006	Isu pengambilan tanah
					Rumah setinggan belum diroboh
4.	RTB Sg. Petagas, Putatan – Kg. Sendil	3	27.04.2019 – 06.01.2022	986	Isu pengambilan tanah

BIL.	PROJEK	PERIHAL KELULUSAN EOT			
		BIL.	TEMPOH (Tarikh)	JUMLAH (Hari)	JUSTIFIKASI
5.	RTB Sg. Gurong-Gurong, Lembangan Sg. Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud (Gambar 13)	6	10.03.2020 – 07.12.2022	972	Isu pengambilan tanah
					Faktor cuaca
					Perintah Kawalan Pergerakan Kelewatan mendapatkan persetujuan cadangan rekabentuk dan bahan binaan daripada pihak Telekom Malaysia Berhad (TMB)
					S.O. instruction
6.	RTB Bandar Sierra, Lembangan Sungai Telipok, Kota Kinabalu (Gambar 14)	4	15.08.2021 – 17.12.2022	490	By force majeure
					Fenomena pasang surut luar jangka dan pertambahan kerja di Lembangan Sungai Telipok
					Pemindahan paip bekalan air dan tiang elektrik SESB
					Pembinaan <i>sheet piles</i> di kawasan Norowot
					Pembinaan parit panjang 13m – 190m (tambahan)
					Pertikaian dengan pemilik/jiran/Pan Borneo
7.	RTB Sungai Tebongan (Kampung Teguli) Putatan	4	15.08.2021 – 02.10.2022	414	Perintah Kawalan Pergerakan
					Isu pampasan tanah belum diselesaikan
8.	Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works for Bandar Sierra, Menggatal, Kota Kinabalu</i>	2	14.12.2019 – 13.12.2020	366	Kerja pengalihan paip Jabatan Air belum dilaksanakan
					Paip air saiz 300mm – 150 mm berada di jajaran

Sumber: DID

GAMBAR 11



Kampung Sipanggil, Putatan
(Projek PLSB Sg. Moyog (Pakej 3))
- Isu Pengambilan Tanah Belum Selesai bagi Rumah yang Terletak di Jajaran Projek (18.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Kampung Contoh Petagas, Putatan
(Projek SB Kecil Taman Jumbo (Pakej 2))
- Isu Pengambilan Tanah Belum Selesai bagi Rumah yang Terletak di Jajaran Projek (18.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Projek RTB Sg. Gurong-Gurong, Lembangan
Sg. Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud
- Isu Pemindahan Utiliti Telekom
Belum Selesai
(21.07.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Sierra,
Lembangan Sg. Telipok, Kota Kinabalu
- Isu Pengambilan Tanah dan Pemindahan
Utiliti Telekom Belum Selesai
(19.07.2022)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

Pemberian EOT disebabkan pengambilan tanah dan pengalihan utiliti tidak diambil tindakan sebelum atau pada peringkat awal pelaksanaan projek. Selain itu, kurangnya koordinasi di antara agensi kerajaan yang terlibat juga menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek tebatan banjir.

Isu pengambilan tanah telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah untuk tindakan selanjutnya. Isu pengalihan utiliti pula sedang diambil tindakan dan dijangka akan selesai dalam masa yang terdekat.

Pendapat Audit

Pencapaian output PTB adalah kurang memuaskan. Liputan projek yang tidak menyeluruh dan kelewatan menyiapkan projek mengikut tempoh siap asal memberi kesan kepada pencapaian objektif PTB.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Program tebatan banjir bertujuan mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir. Laporan Banjir Tahunan Negeri Sabah bagi tahun 2018 hingga 2021 menunjukkan kes kejadian dan perpindahan mangsa banjir di negeri Sabah pada trend meningkat. Analisis Audit terhadap kejadian banjir di kawasan projek tebatan banjir mendapati perkara berikut:

a. Kejadian Banjir di Kawasan Sampel Projek Tebatan Banjir

- i. Analisis Audit mendapati **kejadian banjir masih berulang di empat daerah sampel Audit iaitu Kota Belud, Kota Kinabalu, Penampang dan Putatan**. Dua projek telah siap manakala tujuh sedang dalam pelaksanaan.

- ii. Kejadian banjir di lokasi/kawasan sampel projek di daerah Kota Belud, Penampang dan Kota Kinabalu masing-masing melibatkan 20, 10 dan satu kampung berulang antara satu hingga tujuh kali pada tahun 2018 hingga 2021. Kejadian banjir di lokasi/kawasan sampel projek daerah Putatan melibatkan 10 kampung pula berulang antara satu hingga dua kali pada tahun 2020 dan 2021.
- iii. Butiran lanjut kejadian banjir berulang di lokasi/kawasan sampel projek adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Gambar 15** hingga **Gambar 17**.

JADUAL 5
KEJADIAN BANJIR BERULANG
DI DAERAH/SAMPEL PROJEK PADA TAHUN 2018 HINGGA 2021

PROJEK	STATUS KEMAJUAN SETAKAT JUN 2022 (%)	BIL.	LOKASI BANJIR	KEJADIAN BANJIR (Bil. Kes)			
				2018	2019	2020	2021
KOTA BELUD							
Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Gurong-Gurong, Lembangan Sg. Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud	96.0	1.	Kg. Lebak Engad	2	4	5	7
		2.	Kg. Bobot	2	3	4	7
		3.	Kg. Lingkodon	2	4	4	7
		4.	Kg. Gunding	2	3	4	7
		5.	Kg. Lebak Moyoh	0	4	4	7
		6.	Kg. Siasai Tamu	1	1	5	6
		7.	Kg. Menunggu	2	4	5	7
		8.	Kg. Sembirai	2	4	4	7
		9.	Kg. Sadok-Sadok	2	4	4	5
		10.	Kg. Linau	2	3	5	4
		11.	Kg. Kota Belud	2	4	5	4
		12.	Kg. Tanjung Pasir	2	0	4	3
		13.	Kg. Marajah	2	4	3	2
		14.	Kg. Ejuk	2	4	4	2
		15.	Kg. Tanjung Wakap	0	0	3	2
		16.	Kg. Kerang Benai	1	0	4	2
		17.	Kg. Donggoi	2	4	3	1
		18.	Kg. Taun Gusi	0	0	3	1
		19.	Kg. Labuan	1	0	3	1
		20.	Kg. Keranjangan	2	0	2	0
KOTA KINABALU							
ii. Saluran Bandar Kota Kinabalu – <i>Drainage Improvement Works at</i> Kg. Rampayan, Menggatal	100	1.	Kg.Rampayan	1	0	2	5
iii. RTB Sg. Rampayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu	43.0						

PROJEK	STATUS KEMAJUAN SETAKAT JUN 2022 (%)	BIL.	LOKASI BANJIR	KEJADIAN BANJIR (Bil. Kes)			
				2018	2019	2020	2021
PENAMPANG							
i. PLSB Sg. Moyog Negeri Sabah - Membina dan Menaiktaraf Parit 18A, Penambahbaikan Parit dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sg. Kibabaig (Pakej 1) ii. PLSB Sg. Moyog, Sabah – Kerja-kerja Menaiktaraf Sg. Putatan dan Kerja-Kerja Berkaitan (Pakej 3)	77.7	1.	Kg. Penampang Proper	1	1	3	5
		2.	Kg. Nambazan	1	0	3	5
		3.	Kg. Dabak	1	0	1	5
		4.	Kg. Tuavon	1	0	1	5
		5.	Kg. Kolopis	1	1	3	4
	78.9	6.	Kg. Kibabaig	1	1	2	4
		7.	Kg. Sugud	1	1	3	3
		8.	Pekan Dongongon	0	1	2	2
		9.	Kg. Putaton Inobong	1	0	1	1
		10.	Kg. Babah	1	0	1	0
PUTATAN							
i. RTB Sg. Tebongon (Kampung Teguli) Putatan ii. RTB Sg. Petagas, Putatan – Kg Sendil iii. Saluran Bandar Kecil – <i>Drainage Improvement Works</i> Taman Jumbo (Package 2)	99.8	1.	Kg. Tombovo	0	0	1	2
		2.	Kg. Potuki	0	0	1	2
		3.	Kg. Duvanson	0	0	1	2
		4.	Kg. Lembising	0	0	1	2
	82.2	5.	Kg. Tebongon	0	0	1	2
		6.	Kg. Teguli Kg. Ulu	0	0	1	2
	95.2	7.	Kg. Sendil	0	0	1	2
		8.	Kg. Sekambu	0	0	1	2
		9.	Kg. Contoh/Taman Perumahan	0	0	1	2
		10.	Kg. Pasir Putih/Taman Perumahan	0	0	1	2

Sumber: Laporan Banjir Tahunan DID

GAMBAR 15



Kg. Lingkodon, Kota Belud
- Kejadian Banjir
(4 September 2021)
(Sumber: DID)

GAMBAR 16



Kg. Rampayan, Menggatal
- Kejadian Banjir
(21 September 2021)
(Sumber: DID)



GAMBAR 17

Kg. Penampang Proper, Penampang
- Kejadian Banjir
(16 hingga 19 Januari 2021)
(Sumber: DID)

- iv. Punca kejadian banjir berulang di lokasi sampel projek adalah seperti taburan hujan setempat yang lebat dalam tempoh yang berterusan; keadaan sungai dan parit jalan yang tidak dapat menampung jumlah air sehingga melimpah daripada tebing sungai/paras jalan; fenomena pasang surut air laut; dan kerja menaik taraf jalan raya yang menyumbang kepada kejadian banjir berulang.

b. Projek Tebatan Banjir yang Siap

Semakan Audit terhadap dua sampel projek tebatan banjir yang telah disiapkan dalam RMKe-11 mendapati perkara berikut:

i. Saluran Bandar Kota Kinabalu – *Drainage Improvement Works for Bandar Sierra, Menggatal, Kota Kinabalu*

Projek bernilai RM15 juta mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2016 dan siap pada bulan Disember 2020. Objektif pembinaan projek adalah untuk mengelakkan banjir daripada terus berlaku di sekitar Bandar Sierra. Semakan Audit terhadap Laporan Banjir Tahunan mendapati projek yang dilaksanakan mencapai objektif dengan tiada kes kejadian banjir dilaporkan selepas projek siap pada 11 Disember 2020.

ii. Saluran Bandar Kota Kinabalu – *Drainage Improvement Works at Kg. Rampayan, Menggatal, Kota Kinabalu*

Projek bernilai RM15 juta mula dilaksanakan pada bulan April 2018 dan siap pada bulan April 2021. Objektif projek ini adalah untuk mengelakkan banjir daripada terus berlaku di Kg. Rampayan. Pihak Audit mendapati **objektif projek tersebut tidak tercapai kerana berdasarkan Laporan Banjir Tahunan Negeri Sabah berlaku kejadian banjir sebanyak empat kali pada bulan September dan Oktober 2021 iaitu selepas projek siap seperti Jadual 6**. Kejadian banjir di Kg. Rampayan masih berlaku disebabkan terdapat satu projek tebatan banjir iaitu Projek RTB Sungai Rampayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu masih belum disiapkan.

JADUAL 6
KEJADIAN BANJIR DI KG.RAMPAYAN

LOKASI	TAHUN/TARIKH			
	2018	2019	2020	2021
SALURAN BANDAR KOTA KINABALU – DRAINAGE IMPROVEMENT WORKS AT KG. RAMPAYAN, MENGGATAL, KOTA KINABALU				
Kg. Rampayan	31 Mei - 3 Jun	0	19 Julai	16 -19 Januari
				3 September
				15 September
			5 - 6 Oktober	21 September
				12 Oktober
JUMLAH	1	0	2	5

Sumber: Laporan Banjir Tahunan DID

c. Penilaian Keberhasilan oleh DID

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan juga menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran. Pihak Audit dimaklumkan DID telah membuat penilaian keberhasilan projek yang telah siap bagi RMKe-10. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penilaian keberhasilan tersebut tidak dibuat bagi kesemua projek yang telah siap kerana laporan penilaian belum dikemukakan.
- ii. Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati **objektif program tebatan banjir di negeri Sabah untuk mengurangkan bilangan kawasan dan penduduk yang terdedah kepada ancaman banjir belum tercapai sepenuhnya.**

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

Peningkatan kejadian dan perpindahan mangsa banjir serta kejadian banjir berulang di daerah sampel projek disebabkan projek tebatan banjir belum siap dan projek yang dilaksanakan tidak meliputi semua kawasan yang terdedah kepada banjir. Selain itu, hujan lebat yang berlaku di luar musim hujan pada tahun 2021 dan 2022 juga telah menyumbang kepada peningkatan kejadian banjir.

Pendapat Audit

Pencapaian keberkesanan PTB belum dapat dinilai secara menyeluruh. Bagaimanapun, peningkatan kes kejadian dan kawasan serta perpindahan mangsa banjir; dan kejadian banjir berulang di kawasan sampel projek menunjukkan objektif PTB belum tercapai.

5.2. Pengurusan Projek

5.2.1. Prestasi Kewangan Projek

a. Peruntukan dan Perbelanjaan

- i. Bagi tahun 2019, 2020 dan 2021, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan projek tebatan banjir di negeri Sabah masing-masing berjumlah RM51.9 juta, RM57.7 juta, dan RM53.6 juta. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan bagi setiap tahun adalah pada tahap 100%. Prestasi perbelanjaan ini mengambil kira peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan dan ditarik balik pada bulan Oktober setiap tahun.
- ii. Kerajaan negeri pula telah menyalurkan peruntukan pada tahun yang sama masing-masing berjumlah RM29.1 juta, RM27.7 juta dan RM17.1 juta. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 adalah masing-masing 85.6%, 62.8% dan 82.5% disebabkan pelaksanaan projek lewat daripada jadual dan peruntukan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya sehingga akhir tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PTB NEGERI SABAH TAHUN 2019 HINGGA 2021

PERIHAL	TAHUN			JUMLAH
	2019	2020	2021	
PERUNTUKAN PERSEKUTUAN				
Peruntukan Diterima (RM Juta)	51.9	57.7	53.6	163.2
Perbelanjaan (RM Juta)	51.9	57.7	53.6	163.2
Baki Peruntukan (RM Juta)	0.0	0.0	0.0	0.0
Peratus Perbelanjaan (%)	100	100	100	100
PERUNTUKAN NEGERI				
Peruntukan Diterima (RM Juta)	29.1	27.7	17.1	73.9
Perbelanjaan (RM Juta)	24.9	17.4	14.1	56.4
Baki Peruntukan (RM Juta)	4.2	10.3	3.0	17.5
Peratus Perbelanjaan (%)	85.6	62.8	82.5	76.3

Sumber: DID

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, prestasi kewangan PTB adalah baik.

5.2.2. Pengurusan Perolehan

a. Perolehan Kerja

- i. Perolehan tender boleh dilaksanakan melalui tender terbuka, terhad atau rundingan terus. Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 menetapkan peraturan/tatacara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui tender terbuka dan tender terhad manakala Pekeliling Perbendaharaan PK 7.13 pula menetapkan peraturan/tatacara perolehan secara rundingan terus.
- ii. Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 18 Tahun 2009, Perenggan 171 dan 181 (Lampiran 2), perolehan bekalan/kerja melebihi RM250,000 perlu dipelawa secara tender. Perenggan 22 surat pekeling berkenaan menetapkan pengecualian daripada peraturan yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan terlebih dahulu.
- iii. Semakan Audit terhadap perolehan bagi sembilan sampel projek tebatan banjir mendapati perolehan bagi lima projek telah dibuat secara tender terbuka dan empat projek secara lantikan terus.
- iv. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan bagi lima projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh DID, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) adalah teratur di mana proses panggilan, pembukaan dan penilaian tender mematuhi peraturan sedia ada. Keputusan tender juga telah melalui Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/Timbangan Ketua Setiausaha KASA.
- v. Semakan Audit terhadap proses perolehan projek yang dibiayai oleh Kerajaan negeri pula mendapati pelantikan kontraktor secara lantikan terus telah diberi pengecualian daripada tatacara tender oleh Kementerian Kewangan Sabah (MOF Sabah). Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan kontrak ini diperolehi pada harga yang munasabah, berpatutan dan memberi *best value for money* kerana tiada bukti rundingan harga telah dilaksanakan. Selain itu, semakan Audit terhadap **latar belakang kontraktor yang dilantik untuk projek tebatan banjir Kerajaan Negeri Sabah tidak dapat dibuat bagi mengesahkan kemampuan kontraktor kerana dokumen mengenainya tidak dikemukakan.**

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

Perolehan secara lantikan terus bagi projek Kerajaan negeri dibuat tanpa rundingan harga. Namun, nilai perolehan ditentukan oleh DID berdasarkan jadual kadar harga.

Pemilihan kontraktor pula dibuat oleh MOF Sabah berdasarkan senarai kontraktor yang berkelayakan.

MOF Sabah sedang dalam proses menyediakan garis panduan untuk menambah baik prosedur perolehan secara lantikan terus yang sedang berkuat kuasa.

Pendapat Audit	Pengurusan perolehan projek tebatan banjir telah dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, perolehan secara lantikan terus mengurangkan persaingan dalam bidaan perolehan.
-----------------------	--

5.2.3. Pentadbiran Kontrak

- a. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1 berkaitan Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan menghendaki pengurusan dan pentadbiran kontrak diuruskan dengan teratur bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek tebatan banjir hendaklah mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap sembilan projek secara keseluruhannya mendapati syarat kontrak telah dipatuhi berkaitan Surat Setuju Terima, dokumen kontrak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, penyediaan bon pelaksanaan dan polisi insurans kerja. Bagaimanapun, terdapat kualiti kerja yang kurang memuaskan seperti berikut:
 - i. Klausula 35.1 dalam dokumen kontrak menjelaskan semua bahan dan kualiti kerja hendaklah mencapai standard seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi dan kualiti yang baik selaras dengan standard kualiti kerja/mengikut piawaian yang ditetapkan. Kerja pembinaan pula perlu dilaksanakan dengan mengikut amalan kejuruteraan yang baik dan pada tahap piawaian yang boleh diterima.
 - ii. Lawatan fizikal Audit pada bulan Julai 2022 mendapati **kualiti kerja kurang memuaskan** iaitu *L-Shape* yang dipasang telah rebah, rantai konkrit parit pecah, konkrit retak di PLSB Sg. Moyog Pakej 1, projek Saluran Bandar Kota Kinabalu - Bandar Sierra Menggatal dan Projek RTB Bandar Sierra Lembangan Sg. Telipok Kota Kinabalu seperti dalam **Gambar 18** hingga **Gambar 20**.

GAMBAR 18



Projek PLSB Sungai Moyog (Pakej 1)
- L-Shape yang Dipasang Telah
Rebah
(18.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Projek SB Kota Kinabalu – Bandar Sierra,
Menggatal, Kota Kinabalu
- Lantai Konkrit Parit Pecah
(19.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 20

Projek RTB Bandar Sierra, Lembangan
Sungai Telipok, Kota Kinabalu
- Konkrit Parit Retak
(19.07.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

Projek sedang dalam pembinaan dan kualiti kerja yang kurang memuaskan akan dibaiki oleh kontraktor sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.

Pendapat Audit | Kualiti kerja kurang memuaskan menunjukkan pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak DID semasa projek dilaksanakan.

5.2.4. Penyenggaraan Sungai/Parit

- Berdasarkan *Chapter 12: DID Manual Volume 1 - Flood Management, Department of Irrigation and Drainage Malaysia*, penyenggaraan terhadap projek tebatan banjir hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi mengelakkan kerosakan pada struktur tebatan banjir dan membantu aliran air yang lebih lancar. Antara kerja penyenggaraan adalah kerja pemotongan rumput di tebing ban/saliran, pembuangan anak-anak pokok liar, membersihkan saluran/pengairan dan kerja-kerja membaiki pulih.
- Kos penyenggaraan dibiayai oleh Kerajaan negeri kerana Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan peruntukan bagi penyenggaraan projek tebatan banjir yang telah siap. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM71.3 juta,

RM71.8 juta dan RM91.4 juta masing-masing pada tahun 2019, 2020 dan 2021 bagi penyenggaraan sungai dan saluran/parit utama di seluruh negeri Sabah.

- c. Semakan Audit mendapati DID telah melaksanakan penyenggaraan berkala terhadap projek tebatan banjir sungai yang telah dinaik taraf/siap dan sistem perparitan utama (projek saluran bandar) yang telah diserahkan kepada DID. Penyenggaraan tersebut dilaksanakan melalui 18 kontrak penyenggaraan meliputi tujuh daerah di negeri Sabah. Kerja penyenggaraan yang dilaksanakan meliputi kerja pembersihan kelodak (desilting) dan pemotongan rumput. Kekerapan penyenggaraan adalah berbeza iaitu antara satu hingga empat kali mengikut kawasan.
- d. Lawatan Audit ke lapan lokasi pakej penyenggaraan projek daerah Kota Kinabalu mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat kawasan di mana kerja penyenggaraan belum dibuat kerana pusingan kerja belum tiba seperti dalam **Gambar 21** hingga **Gambar 22**.

GAMBAR 21



Parit Ujana Rimba (Pakej 1)
- Penyenggaraan Belum Dilaksanakan
Kerana Pusingan Kerja Belum Tiba
(22.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Parit Bersebelahan SMK Bahang (Basin 18b & c)
- Penyenggaraan Belum Dilaksanakan
Kerana Pusingan Kerja Belum Tiba
(22.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati **DID tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala bagi sungai lain yang tidak diliputi dalam projek tebatan banjir tetapi melaksanakan kerja penyenggaraan secara *ad hoc***. Lawatan Audit ke sungai yang tidak termasuk dalam pakej penyenggaraan berkala mendapati terdapat halangan pada sungai yang menyumbang kepada kejadian banjir seperti dalam **Gambar 23** hingga **Gambar 25**.

GAMBAR 23



Sungai Dalit, Keningau
- Kayu/Pokok Tumbang Tidak
Dibersihkan
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24



Sungai Dalit, Keningau
- Tebing Runtuh Dan Pasir/Kayu Tidak
Disenggara/Dibersihkan
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 25

Sungai Tenghilan, Tuaran
- Pokok Tumbang Tidak Dibersihkan
(14.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Temu bual dengan pegawai DID memaklumkan kerja penyenggaraan akan dilaksanakan secara *ad hoc* kerana masalah kekangan peruntukan.

Maklum Balas DID pada 27 September 2022

DID bersetuju dengan penemuan pihak Audit.

Pendapat Audit | Penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh terhadap sungai dan parit utama memberi kesan kepada risiko berlaku kejadian banjir.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit dapat dirumuskan bahawa pengurusan program tebatan banjir di negeri Sabah masih belum mencapai objektif ditetapkan. Hanya empat atau 20% projek PTB telah siap berbanding 20 projek yang diluluskan dalam RMKe-11. Selain itu, projek siap tidak berjaya mengurangkan kejadian banjir; peningkatan kes kejadian dan kawasan terlibat banjir serta perpindahan mangsa banjir; dan kejadian banjir berulang di lokasi/kawasan sampel projek daripada tahun 2018 sehingga 2021. Keadaan ini memberi kesan kepada pencapaian objektif PTB bagi mengurangkan kekerapan dan kawasan kejadian banjir serta bilangan penduduk yang

terdedah kepada ancaman banjir. Di samping itu, penyenggaraan sungai dan parit tidak dilaksanakan secara menyeluruh menyumbang kepada kejadian banjir di negeri Sabah.

7. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan PTB, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

7.1. DID melaksanakan perancangan yang lebih teliti bagi projek tebatan banjir yang akan datang dengan mengambil kira keperluan cadangan dalam pelan induk dan kawasan *hotspot* banjir supaya pelaksanaan program tebatan banjir menjadi lebih menyeluruh dan holistik;

7.2. Kementerian dan DID perlu menjalin/mewujudkan koordinasi di antara kerajaan dan agensi terlibat bagi membincangkan masalah berkaitan pengurusan banjir serta penyenggaraan komponen projek RTB dari semasa ke semasa; dan

7.3. DID diberi peruntukan penyenggaraan yang mencukupi untuk melaksanakan penyenggaraan yang lebih berkesan terhadap semua sungai dan parit utama di negeri Sabah.